

**Menjelang PRU13, Najib janji sejuta rumah mampu milik untuk dapat sokongan
Malaysian Insider
Mei 1,2013
Oleh Jahabar Sadiq dan Opalyn Mok**

GEORGE TOWN, 1 Mei — Berikutan ketidakpuashatian yang meningkat akibat harga hartanah mahal dikalangan penduduk bandar berpendapatan rendah, Datuk Seri Najib Razak berjanji untuk membina sejuta rumah mampu milik dalam masa lima tahun akan datang sebagai balasan kepada pengundi bandar.

Pengerusi Barisan Nasional (BN) itu mahu memenangi pilihan raya umum 5 Mei dengan majoriti dua pertiga - hilang semasa Pilihan Raya 2008 apabila undi bandar beralih ke parti-parti yang kini membentuk Pakatan Rakyat (PR).

Di bawah langit suram, perdana menteri sementara itu semalam, menumpukan kepada perumahan mampu milik semasa jelajah di Pulau Pinang sambil memperkenalkan calon BN kepada hadirin yang sebahagian besarnya penyokong dan pekerja parti.

"Kita janji satu juta rumah mampu milik. Tetapi mereka janji bukan sejuta, bukan 500,000 tetapi hanya 150,000," kata Najib kepada hadirin yang ramai di markas polis anti rusuhan di kawasan penempatan Rifle Range.

Penempatan kelas pekerja itu merupakan skim perumahan kos rendah terbesar di pulau itu, dengan 17 dan 18 blok konkrit dibina pada 1969 apabila Gerakan yang pada ketika itu pembangkang memenangi kuasa. Gerakan kini merupakan sebahagian daripada BN dan Teng Chang Yeow merupakan pengerusi gabungan negeri.

Di Pulau Pinang sendiri, Najib berikrar untuk membina 9,999 pangsapuri mampu milik dikubu kuat DAP disekitar kawasan Rifle Range, yang akan dibangunkan semula dari 3,735 unit kepada 4,800 unit apabila digabungkan dengan tanah polis. Anggota polis akan dipindahkan ke tempat lain.

Beliau kemudiannya menyuruh pengundi untuk memilih calon BN untuk memastikan projek dimulakan dengan mengatakan "Saya ada kepercayaan dan keyakinan dengan pasukan BN untuk membawa perubahan sebenar kepada Pulau Pinang."

Perumahan mampu milik telah menjadi keutamaan kepada Najib apabila kerajaannya memulakan PR1MA atau agensi Perumahan Rakyat 1Malaysia untuk membangunkan projek berkost RM400,000 untuk mereka yang berpendapatan RM3,000 sebulan - merupakan majoriti bagi pengundi dan penduduk bandar.

Perumahan selalu menjadi isu utama dikalangan pengundi menurut peninjau bebas Merdeka Center dimana 24 peratus yang mereka temuramah mengatakan "rumah mampu milik" adalah isu utama.

Di tanah besar Pulau Pinang, Najib memberitahu penduduk luar bandar gabungannya memberi tumpuan tentang bagaimana untuk menyelesaikan masalah rakyat berbanding projek besar seperti terowong menyambungkan pulau kepada tanah besar, cadangan Ketua Menteri Lim Guan Eng.

"Kami mahu membantu rakyat dan sebab itu perumahan rakyat itu penting," katanya kepada pekerja parti di Penaga dimana gabungannya meletakkan muka baru berhadapan

dengan lawan yang telah bekerja di bawah sepanjang beberapa tahun lalu.

“Kita akan mansuhkan terowong apabila kita memenangi negeri. Sudah ada jambatan kedua yang sudah siap. Mengapa tergesa-gesa untuk terowong,” beliau bertanya dengan retorik disambut dengan tepukan dari hadirin yang kebanyakannya memakai t-shirt biru gabungan itu.

Janji perumahan mampu milik telah diulangi Najib dimana-mana untuk meningkatkan sokongan daripada beberapa kerusi Parlimen kunci dan kerusi Dewan Undangan Negeri (DUN) pada Pilihan Raya 2013.

Dua minggu lalu, pengerusi BN itu melancarkan Program Perumahan Penjawat Awam 1Malaysia dengan rumah berharga dari RM150,000 sehingga RM300,000 di pusat pentadbiran Putrajaya.

Kerajaan akan membina 10,336 unit diantara 1,000 kaki persegi dan 1,500 kaki persegi dengan fasa pertama akan terletak di Presint 11 dan Presint 17 dan akan siap dalam jangkamasa 18 bulan.

Hakcipta © 2013 The Malaysian Insider

Source:

<http://www.themalaysianinsider.com/bahasa/article/menjelang-pru13-najib-janji-sejuta-rumah-mampu-milik-untuk-dapat-sokongan/>